



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MENGUKUR TAHAP LITERASI PENTAKSIRAN GURU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH KUALA TERENGGANU

ABD.WAHAB BIN MUDA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MENGUKUR TAHAP LITERASI PENTAKSIRAN
GURU SEKOLAH RENDAH
DI DAERAH KUALA TERENGGANU

ABD.WAHAB BIN MUDA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PENGUKURAN DAN PENILAIAN PENDIDIKAN)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

16 Julai 2013

ABD WAHAB BIN MUDA
P20071000377





PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan dorongan dan pemeliharaanNya saya dapat menyiapkan penyelidikan dan dokumentasi ini. Semua ini berkat dari dorongan dan sokongan jitu Pensyarah Penyelia, Yang Berbahagia Profesor Dr. Othman Lebar. Penghargaan juga ditujukan kepada kakitangan Pusat Pengajian Siswazah dan Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia atas segala kerjasama yang diberikan sepanjang pengajian saya di UPSI.

Penghargaan dan terima kasih turut ditujukan kepada rakan-rakan Guru Besar dan guru-guru sekolah rendah dalam daerah Kuala Terengganu yang memberi kerjasama semasa penyelidikan ini dilakukan di sekolah mereka. Untuk rakan-rakan seperjuangan yang telah lulus, semoga anda dapat memanfaatkan ilmu yang diperolehi dan untuk rakan-rakan yang masih berjuang untuk menyelesaikan penyelidikan dibidang masing-masing semoga anda memperoleh kejayaan.

Tidak dilupakan penghargaan dan terima kasih kepada rakan sekerja, isteri dan anak-anak yang sentiasa memberi cabaran sehingga selesainya penyelidikan ini. Semoga sedikit ilmu yang diperolehi ini memberikan manfaat yang setimpal seperti kata pujangga, jika dilipat sebesar kuku, jika ditebar seluas lautan.





ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengukur tahap literasi guru dalam bidang pentaksiran pembelajaran murid menggunakan Inventori Literasi Pentaksiran Bilik Kelas yang diadaptasi daripada *Classroom Assessment Literacy Inventory*. Kebolehpercayaan instrumen penyelidikan ditentukan dengan ujian ketekalan dalaman menunjukkan nilai $\alpha = 0.884$. Analisis model Rasch menunjukkan nilai kebolehpercayaan *person* = 0.80 dan item = 0.85 dengan nilai infinit MNSQ berada di antara 0.69 hingga 1.44. Seramai 365 responden dipilih secara rawak daripada 3,347 orang guru dalam daerah Kuala Terengganu. Ujian hipotesis dilakukan berdasarkan jantina, tahap mengajar, kelulusan akademik, tempoh berkhidmat dan aktiviti pentaksiran. Data dianalisis menggunakan ujian MANOVA. Hasil ujian hipotesis menunjukkan tidak terdapat perbezaan literasi mentaksir yang signifikan berdasarkan jantina, tahap mengajar, kelulusan akademik, tempoh berkhidmat dan aktiviti pentaksiran. Hasil analisis deskriptif menunjukkan hanya 7.4% melepasi literasi pada tahap sederhana, manakala 92.6% lagi tidak melepasi tahap literasi. Literasi pentaksiran berdasarkan standard pula menunjukkan hanya standard 2 dan 4 melepasi tahap literasi pada tahap sederhana, manakala 1,3,5,6 dan 7, tidak melepasi tahap literasi. Penguasaan literasi pentaksiran bilik kelas oleh guru, umumnya tidak melepasi tahap literasi.





MEASURING ASSESSMENT LITERACY LEVEL OF PRIMARY SCHOOL TEACHERS AT THE KUALA TERENGGANU DISTRICT

ABSTRACT

The purpose of this study is to measure primary school teachers' assessment literacy level using the *Inventori Literasi Pentaksiran Bilik Kelas* which was adapted from the Classroom Assessment Literacy Inventory. The inventory internal consistency level indicated that $\alpha = 0.884$. Rasch analysis was also carried out which indicated that the person reliability obtained is 0.80 and items reliability obtained is 0.85 and infit MNSQ value between 0.69 and 1.44. Three hundreds and sixty five respondents were randomly selected from 3,347 primary school teachers at the Kuala Terengganu district. The data analysed using MANOVA indicated that there are no significant difference in assessment literacy level between gender, teaching level, academic level, period of service and assessment activities among respondents. The descriptive analysis results indicated that only 7.4% of the respondents achieved the literacy level at the satisfactory level and 92.6% did not achieve the minimum literacy level required. The result also indicated that the respondents did not achieve the minimum literacy level required for standards 1,3,5,6 and 7. However, the respondents achieved the required literacy of satisfactory level for standards 2 and 4. Generally the findings of this study indicated that the level of assessment literacy among the primary school teachers at the Kuala Terengganu district is low.





KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang dan pernyataan masalah penyelidikan	5
1.3 Objektif penyelidikan	17
1.4 Soalan penyelidikan	18
1.5 Hipotesis penyelidikan	19
1.6 Definisi operasional penyelidikan	20
1.7 Kepentingan penyelidikan	24
1.8 Batasan penyelidikan	31



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	32
2.2	Teori-teori pengajaran dan pembelajaran	33
2.3	Hubungan teori pengajaran dan pembelajaran dengan kemahiran pentaksiran	45
2.3.1	Pakej penilaian prestasi pembelajaran (PPPP)	50
2.3.2	Standard kemahiran guru dalam pentaksiran pembelajaran murid	73
2.4	Jantina guru dan kemahiran pentaksiran	82
2.5	Tahap mengajar dan kemahiran pentaksiran	85
2.6	Profesion keguruan : Latihan praperkhidmatan, kelulusan akademik dan ikhtisas	89
2.7	Tempoh berkhidmat dan kemahiran pentaksiran	96
2.8	Guru dan amalan pentaksiran	101
2.9	Latihan dalam perkhidmatan dan kemahiran pentaksiran	105
2.10	Guru dan tahap kemahiran pentaksiran	113
2.11	Rumusan	120

BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	122
3.2	Reka bentuk penyelidikan	123
3.3	Pemboleh ubah penyelidikan	124
3.4	Prosedur penyelidikan	130
3.5	Penterjemahan dan pengubahsuaian instrumen penyelidikan (Inventori Literasi Pentaksiran Bilik Kelas)	131
3.5.1	Pengubahsuaian ítem-ítem daripada Classroom assessment Literacy Inventory (CALI) kepada ítem- ítem Inventori Literasi Pentaksiran Bilik Kelas (ILPBK)	132
3.5.2	Skor dan tahap literasi pentaksiran	143
3.6	Kajian rintis	145
3.7	Kerangka konseptual penyelidikan	150
3.8	Populasi dan pensampelan subjek penyelidikan	152
3.9	Tempat penyelidikan	154
3.10	Pungutan data	155
3.11	Analisis data	155
3.12	Jangka masa penyelidikan	159

BAB 4 DAPATAN PENYELIDIKAN

4.1	Pengenalan	162
4.2	Pengesahan inventori literasi pentaksiran bilik kelas yang diubahsuai	163
4.3	Demografi responden	169
4.3.1	Jantina, tahap mengajar dan kelulusan akademik	170
4.3.2	Tempoh berkhidmat	172
4.3.3	Penglibatan guru dalam aktiviti pentaksiran	173
4.3.4	Kursus dan latihan dalam perkhidmatan	174
4.3.5	Pembinaan instrumen pentaksiran oleh guru	175
4.3.6	Latihan praperkhidmatan	176
4.4	Keputusan deskriptif	177
4.4.1	Analisis statistik literasi pentaksiran	177
4.4.2	Tahap literasi pentaksiran responden	180
4.4.3	Min dan sisihan piawai literasi pentaksiran berdasarkan jantina	182
4.4.4	Min dan sisihan piawai literasi pentaksiran berdasarkan tahap mengajar	183
4.4.5	Min dan sisihan piawai literasi pentaksiran berdasarkan kelulusan akademik	185

4.4.6	Min dan sisihan piawai literasi pentaksiran berdasarkan tempoh berkhidmat	187
4.4.7	Min dan sisihan piawai literasi pentaksiran berdasarkan penglibatan guru dalam aktiviti pentaksiran	189
4.5	Keputusan inferensi	191
4.5.1	Ujian hipotesis nol 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min markah literasi pentaksiran berdasarkan jantina	191
4.5.2	Ujian hipotesis nol 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min markah ujian literasi pentaksiran berdasarkan tahap mengajar	192
4.5.3	Ujian hipotesis nol 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min markah ujian literasi pentaksiran berdasarkan kelulusan akademik	193
4.5.4	Ujian hipotesis nol 4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min markah ujian literasi pentaksiran berdasarkan tempoh berkhidmat	194
4.5.5	Ujian hipotesis nol 5 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min markah ujian literasi pentaksiran berdasarkan aktiviti pentaksiran	195
4.6	Rumusan dapatan penyelidikan	196



BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	199
5.2	Inventori literasi pentaksiran bilik kelas sebagai instrumen penyelidikan	200
5.3	Guru dan tahap literasi pentaksiran	201
5.4	Tahap literasi pentaksiran guru berdasarkan jantina, tahap mengajar, kelulusan akademik, tempoh berkhidmat dan aktiviti pentaksiran	208
5.5	Literasi pentaksiran dan teori pengukuran (kesahan dan kebolehpercayaan)	217
5.6	Literasi pentaksiran dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	218
5.7	Pembentukan Standard Literasi Pentaksiran Guru Malaysia	221
5.8	Implikasi keputusan penyelidikan	224
5.9	Kesimpulan	229
5.10	Cadangan	234

RUJUKAN

245



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1.1	Analisis keputusan peperiksaan UPSR dari tahun 2002 hingga 2006 berdasarkan pencapaian 5 A dan minimum C	6
1.2	Analisis keputusan peperiksaan UPSR dari tahun 2002 hingga 2006 berdasarkan mata pelajaran	7
1.3	Jadual ujian berpusat tahun 2006 sekolah rendah di negeri Terengganu	9
1.4	Jadual ujian berpusat tahun 2007 sekolah rendah di negeri Terengganu	10
2.1	Jumlah guru sekolah rendah di negeri Terengganu mengikut jantina	83
2.2	Peruntukan masa (dalam minit) untuk setiap mata pelajaran mengikut tahun di sekolah rendah	88
2.3	Maklumat kredit Kursus Pengukuran Pendidikan di Institut Pendidikan Guru Malaysia sebagai syarat memperolehi Diploma Perguruan	91
2.4	Jadual bilangan kredit sebagai syarat pengijazahan Kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian mengikut fakulti yang ditawarkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris	93
3.1	Kategori tempoh berkhidmat dan kod pengenalan mewakili pemboleh ubah tak bersandar	125
3.2	Standard literasi pentaksiran dan kod pengenalan mewakili pemboleh ubah bersandar	127
3.3	Pemboleh ubah tak bersandar dan pemboleh ubah bersandar berdasarkan jenis analisis	130
3.4	Instrumen penyelidikan: Nombor item mengikut standard literasi pentaksiran	142

Jadual	Muka surat
3.5 Keterangan skor dengan tahap literasi	144
3.6 Keterangan min dengan tahap literasi	145
3.7 Instrumen penyelidikan (diperbaiki): Nombor item mengikut standard literasi pentaksiran	148
3.8 Keterangan skor yang diperolehi dengan tahap literasi (instrumen yang diperbaiki)	149
3.9 Keterangan min yang diperolehi dengan tahap literasi (instrumen yang diperbaiki)	150
3.10 Bilangan sekolah rendah dan guru di negeri Terengganu sehingga 01 Januari 2007	153
3.11 Bilangan sekolah dan guru berdasarkan jantina mengikut zon Pusat Kegiatan Guru	154
3.12 Analisis inferensi mengikut hipotesis nol	159
4.1 Kedudukan item-MAP-person	168
4.2 Statistik terhadap 21 item yang ditadbir kepada 74 responden	169
4.3 Bilangan dan peratusan responden berdasarkan jantina, tahap mengajar dan kelulusan akademik	171
4.4 Bilangan dan peratusan responden mengikut tempoh berkhidmat sebagai guru di bilik kelas	172
4.5 Penglibatan guru dalam aktiviti pentaksiran di luar bilik kelas	173
4.6 Bilangan dan peratusan guru yang pernah berkursus berkaitan dengan pentaksiran pendidikan dalam tempoh tiga tahun terkini	174
4.7 Kekkerapan guru membina instrumen pentaksiran	175
4.8 Persepsi guru terhadap latihan perguruan yang mereka terima berbanding dengan latihan pentaksiran	176
4.9 Skor yang diperolehi oleh responden	178

4.10	Statistik deskriptif literasi pentaksiran	179
4.11	Min dan sisihan piawai berdasarkan standard literasi pentaksiran	180
4.12	Skor keseluruhan dan keterangan tahap literasi pentaksiran	181
4.13	Tahap literasi pentaksiran keseluruhan berdasarkan standard	182
4.14	Min dan sisihan piawai jantina berdasarkan standard literasi pentaksiran	183
4.15	Min dan sisihan piawai tahap mengajar berdasarkan standard literasi pentaksiran	184
4.16	Min dan sisihan piawai kelulusan akademik berdasarkan standard literasi pentaksiran	186
4.17	Min dan sisihan piawai tempoh berkhidmat berdasarkan standard literasi pentaksiran	188
4.18	Min dan sisihan piawai aktiviti pentaksiran berdasarkan standard literasi pentaksiran	190
4.19	Hasil ujian hipotesis nol 1	192
4.20	Hasil ujian hipotesis nol 2	193
4.21	Hasil ujian hipotesis nol 3	194
4.22	Hasil ujian hipotesis nol 4	195
4.23	Hasil ujian hipotesis nol 5	196
5.1	Rumusan tahap literasi pentaksiran guru secara umum dan berdasarkan standard	207
5.2	Perbandingan antara sistem pentaksiran lama dengan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan	220



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka kerja penyelidikan	30
2.1 Teori pembelajaran dan pengajaran dan teori pengukuran: Hubungan dengan kemahiran pentaksiran	48
3.1 Kerangka konseptual penyelidikan	151
3.2 Carta Gantt aktiviti penyelidikan	161



SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Keterangan
AFT	American Federation of Teachers
ALI	Assessment Literacy Inventory
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BSM	Bahagian Sumber Manusia
CALI	Classroom Assessment Literacy Inventory
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
JPU/JSU	Jadual Penentuan Ujian/Jadual Spesifikasi Ujian
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KDPM	Kursus Diploma Perguruan Malaysia
KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPPK	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
MPM	Majlis Peperiksaan Malaysia
NCME	National Council on Measurement in Education
NEA	National Education Association
PAFA	Perkara Asas Fardu Ain



PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PEKA	Penilaian Kerja Amali
PKG	Pusat Kegiatan Guru
PLBS	Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PPPP	Pakej Penilaian Prestasi Pembelajaran
SD	Standard Deviation





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Pengujian dan pengajaran bukanlah dua entiti yang terpisah. Pengajaran selalunya merupakan proses bagi menolong seseorang untuk menemukan idea-idea baru dan cara-cara baru dimana mereka belajar untuk mengelolaknya. Sama ada proses ini dilaksanakan melalui pengajaran dan pengujian yang sistematik, atau menerusi pendekatan penemuan, pengujian adalah sebahagian dan kesepaduan dari pengajaran (Rudman, 1989). Istilah pengujian kini diperluaskan kepada pentaksiran yang secara umumnya boleh difahamkan sebagai sebarang metod yang digunakan untuk menambah kefahaman tentang pengetahuan semasa yang dimiliki oleh murid. Ini bermaksud pentaksiran boleh jadi sesuatu yang mudah seperti penilaian subjektif guru





berdasarkan satu pemerhatian ke atas prestasi murid atau sesuatu yang kompleks seperti beberapa jam ujian tara.

Shepard (2000) menjelaskan sekiranya pentaksiran hendak digunakan bagi membantu murid belajar, pentaksiran perlu diubah dalam dua cara yang utama. Pertama, kandungan dan perwatakan pentaksiran mestilah dipertingkatkan secara signifikan. Kedua, pengumpulan dan penggunaan maklumat pentaksiran mestilah menjadi sebahagian daripada proses pembelajaran berterusan.

Dari sudut pendekatan pentaksiran, terdapat dua kaedah mentaksir pencapaian murid, iaitu kaedah mengikut pendekatan secara *one-off* dan *on-going*. Pendekatan *one-off* ialah pendekatan di mana pentaksiran yang didasarkan kepada prestasi murid dalam sesuatu ujian atau aktiviti pengukuran yang terasing daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Tarikh, masa, mata pelajaran dan bilangan soalan telah ditetapkan dan wajib dipatuhi.

Pendekatan *on-going* pula ialah pendekatan pentaksiran yang dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang berlaku dan secara berterusan malah ia adalah sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan ini mensepadakan penilaian dengan pengajaran dan pembelajaran. Kaedah *on-going* memberi ruang kepada guru untuk menghabiskan satu-satu topik pelajaran dan guru akan membina instrumen tanpa ketetapan bilangan soalan, jumlah masa yang perlu. Pihak pentadbir akan memberikan tempoh waktu tertentu untuk guru melaporkan pencapaian murid. Ini bermakna kaedah *on-going* memberi peluang kepada guru





untuk melaksanakan pentadbiran ujian mengikut kesesuaian dan kesediaan murid masing-masing.

Kesemua tugas pengajaran dan pentaksiran yang disebutkan di atas merujuk kepada tugas seorang guru. Mampukah guru menggalas tanggungjawab ini, sekiranya kemahiran mentaksir pembelajaran murid tidak mereka kuasai atas faktor-faktor tertentu? Pada umumnya semua guru telah dibekalkan dengan ilmu pentaksiran secara teori semasa berada di peringkat praperkhidmatan. Sekiranya mereka mempraktikkannya setelah berada dalam perkhidmatan sebagaimana yang dihasratkan dalam konsep Pentaksiran Berasaskan Sekolah, tentunya kemahiran mentaksir yang mereka miliki akan bertambah mantap.



dilaksana untuk melengkapkan proses penilaian, pentaksiran berpusat (standardized assessment) masih merupakan bentuk pentaksiran yang utama (Hanizah Hamzah dan Siti Rahayah Arifin, 2004). Peperiksaan UPSR merupakan instrumen pentaksiran berpusat. Peperiksaan ini diadakan setelah murid melalui proses pembelajaran di sekolah rendah selama enam tahun. Pelaporan terhadap ujian ini tidak dikaitkan dengan lulus atau gagal, tetapi “mencapai tahap penguasaan” atau “tidak mencapai tahap penguasaan”. Keputusan ujian ini juga bukan menjadi syarat untuk masuk ke sekolah menengah. UPSR juga bukan bertaraf sijil, iaitu kita tidak menamakan kertas yang mengandungi keputusan UPSR itu sebagai sijil UPSR sebaliknya hanyalah slip keputusan UPSR. Ujian ini juga digubal bukan bertujuan sebagai instrumen peramal kepada pencapaian murid apabila berada di sekolah menengah nanti. Pencapaian sebenar murid-murid tentunya tidak dapat ditaksir dengan tepat hanya dengan





menggunakan instrumen ujian dalam tempoh 2 jam atau 3 jam sahaja berbanding dengan tempoh pembelajaran murid yang mengambil masa 6 tahun untuk UPSR, 3 tahun untuk PMR atau 2 tahun untuk SPM (Abd.Wahab Muda, 2006).

Namun begitu di negeri Terengganu khususnya, keputusan UPSR boleh menjadikan sesebuah sekolah dan warganya sebagai anak emas atau jika tidak, jadilah dia anak tiri. Jabatan Pelajaran Negeri menjadikan keputusan UPSR sebagai instrumen menggred sekolah dan pengurusnya, untuk pemilihan murid ke sekolah kawalan, pemberian hadiah dan biasiswa, anugerah kecemerlangan, peluang melancong dan sebagainya. Kerajaan negeri turut mengambil langkah yang sama, maka kaedah mengajar Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah kini seolah-olahn menjadi Kaedah Mengajar UPSR! Sebahagian besar aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan di luar bilik darjah menjadi pengajaran untuk mencapai 5A dalam peperiksaan UPSR. Penilaian berbentuk sumatif diutamakan, dimana instrumen pentaksiran disediakan secara berpusat melibatkan segelintir guru sahaja, manakala guru di bilik kelas bertindak sebagai pentadbir ujian sahaja. Penilaian formatif seolah-olah dipinggirkan.

Tekanan untuk meningkatkan skor murid dalam ujian piawai juga telah menyaksikan kurangnya perhatian diberikan kepada subjek yang tidak termasuk dalam ujian piawai. Ini menyebabkan berlakunya penguncupan kurikulum (Shepard & Dougherty, 1991, Sacks, 2000, Popham, 2001) hasil daripada sindrom *teach what is tested; avoid what isn't* dan *survival of content that fittest best the high-stakes test* (Popham, ms.20). Di negara kita, apakah agaknya yang berlaku terhadap mata pelajaran Kajian Tempatan, Sivik dan Kewarganegaraan, Kemahiran Hidup, Seni





Visual dan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di sekolah rendah khususnya di negeri Terengganu? Berkait rapat dengan penguncupan kurikulum adalah kecenderungan guru-guru untuk mengadakan latihan tubi sebanyak mungkin ke atas jenis-jenis item ujian yang terkandung dalam ujian piawai. Ini menjurus kepada berkembangnya amalan tidak beretika dalam pentaksiran.

Setelah satu dekad amalan ini dilaksanakan, adakah guru masih melaksanakan proses sebenar pentaksiran pembelajaran murid di bilik kelas? Dalam tempoh tersebut, jika latihan dalam perkhidmatan dalam bidang pentaksiran amat jarang didedahkan kepada guru, bagaimanakah kita boleh memastikan bahawa guru masih mempunyai kefahaman yang jelas mengenai pentaksiran di bilik kelas dari sudut matlamat, tujuan dan objektifnya? Adakah guru sebagai seorang profesional, masih memiliki kemahiran yang sangat penting ini, iaitu kemahiran mentaksir pembelajaran murid sekurang-kurangnya di peringkat literasi?

1.2 Latar belakang dan pernyataan masalah penyelidikan

Menurut Barber dan Fullan (2005), dalam era akauntabiliti yang dituntut oleh masyarakat sekarang, hasil penilaian pembelajaran turut digunakan sebagai kayu pengukur untuk menentukan tahap keberkesanan sesebuah sekolah, misalnya penggunaan Gred Purata Sekolah (GPS) dan peratus lulus semua mata pelajaran dalam peperiksaan awam. Ini yang sedang dilaksanakan di negara kita sekarang dimana kelayakan untuk mendapatkan baiah atau dicalonkan sebagai Sekolah Kluster



Kecemerlangan (SKK) dan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT), 70% markah datangnya daripada keputusan UPSR.

Negeri Terengganu dikaitkan dengan pencapaian cemerlang semua A dalam mata pelajaran peperiksaan UPSR selama lima tahun berturut-turut. Berdasarkan analisis yang terdapat di dalam Jadual 1.1, pada tahun 2002 hingga 2006, peratus murid yang memperolehi 5A semakin meningkat daripada 10.0% pada tahun 2002 kepada 12.3% pada tahun 2006 (dalam tempoh lima tahun). Dari sudut kuantiti pula, peratus murid yang memperolehi penguasaan minimum C untuk lima mata pelajaran terus dipertahankan melebihi 60%.

Jadual 1.1

Analisis keputusan peperiksaan UPSR dari tahun 2002 hingga 2006 berdasarkan pencapaian 5 A dan minimum C

Tahun	Bilangan calon UPSR	Bilangan calon memperolehi 5A/7A	Peratus 5A/7A	Peratus minimum C bagi 5 mata pelajaran
2002	24967	2498	10.0	60.7
2003	25185	2710	10.8	63.6
2004	25227	2776	11.0	63.8
2005	25546	3023	11.8	68.3
2006	24505	3022	12.3	66.6

Sumber: Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu. Analisis Lima Tahun Keputusan UPSR (2007).

Jadual 1.2 pula menunjukkan peratus pencapaian murid untuk setiap mata pelajaran. Peratus penguasaan minimum C untuk setiap mata pelajaran adalah melebihi 80% kecuali bahasa Inggeris. Ini membuktikan sebilangan besar murid dapat menguasai mata pelajaran tersebut. Peratus peningkatan setiap tahun untuk pencapaian semua A memang berlaku tetapi ianya tidak signifikan. Perbelanjaan yang terlibat sangat besar sedangkan peningkatan pencapaian yang terhasil dalam peratusan yang sangat kecil.

Jadual1.2

Analisis keputusan peperiksaan UPSR dari tahun 2002 hingga 2006 berdasarkan mata pelajaran

TAHUN	BM (PM)		BM(PN)		BI		MAT		SN	
	A	Min. C	A	Min. C	A	Min. C	A	Min. C	A	Min. C
2002	43.1	90.0	47.5	84.3	14.6	63.7	30.6	84.1	24.4	84.2
2003	45.9	92.0	52.2	84.8	14.2	66.6	34.1	85.7	26.3	86.5
2004	45.8	93.0	56.0	86.4	14.8	66.6	33.4	85.8	25.9	86.4
2005	45.5	94.1	60.2	87.4	18.4	72.1	35.9	85.9	22.7	87.3
2006	51.6	94.9	58.0	85.1	17.3	72.0	34.4	84.5	24.1	86.2

Sumber: Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu. Analisis Lima Tahun Kputusan UPSR (2007).



Mekanisme yang digunakan untuk mencapai tujuan ini ialah dengan mengadakan ujian berpusat bukan sahaja untuk murid-murid tahun enam tetapi juga untuk semua tahun. Ujian berpusat ini diadakan sekurang-kurangnya lapan kali setahun untuk murid tahun 6 dan enam kali setahun untuk murid yang lain. Jadual 1.3 diringkaskan berdasarkan surat siaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu, surat siaran P.T.11017-15/1(13) bertarikh 30 Nov.2005 : Takwim TOV dan OTI, 2006 dan Jadual 1.4 diringkaskan berdasarkan surat siaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu, surat siaran P.T.18013-01(7) bertarikh 24 Nov.2006 : Jadual dan Tempahan TOV dan OTI, 2007 menunjukkan perincian tarikh dan bilangan ujian berpusat setiap tahun untuk tempoh dua tahun berturut-turut.



Jadual 1.3

Jadual ujian berpusat tahun 2006 sekolah rendah di negeri Terengganu

Instrumen penilaian	Tarikh	Mata pelajaran	Tahun
TOV (Pengesanan)	24 – 26 Jan. 2006	Teras, jawi, pendidikan Islam	2 hingga 6
OTI 1	07 – 09 Mac 2006	Teras, jawi dan pendidikan Islam	1 hingga 6
OTI 2 (Pertengahan tahun)	21 – 25 Mei 2006	Semua mata pelajaran	1 hingga 6
OTI 3 (Pra percubaan)	10 – 12 Julai 2006	Mata pelajaran UPSR	6
OTI 4 (Percubaan)	01 – 03 Ogos 2006	Teras, jawi dan pendidikan Islam	1 hingga 6
Ujian tambah nilai	Tarikh tidak ditentuksn	Mata pelajaran UPSR	6
OTI 5 (JPN)	04 – 06 Sep. 2006	Teras, Jawi dan pendidikan Islam	1 hingga 5
UPSR (Lembaga Peperiksaan)	04 – 06 Sep.2006	Mata pelajaran UPSR	6
OTI 6 (Akhir tahun)	31.Okt – 06.Nov.2006	Semua Mata pelajaran	1 hingga 5
		Jawi dan pendidikan Islam	6

Sumber: Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu. Unit KBSR. Takwim TOV dan OTI 2006.

Jadual 1.4

Jadual ujian berpusat tahun 2007 sekolah rendah di negeri Terengganu

Instrumen penilaian	Tarikh	Mata pelajaran	Tahun
TOV (Pengesanan)	15 – 17 Jan. 2007	Teras, jawi, pendidikan Islam	2 hingga 6
OTI 1	06 – 08 Mac 2007	Teras, jawi dan pendidikan Islam	1 hingga 6
OTI 2 (Pertengahan tahun)	20 – 24 Mei 2007	Semua mata pelajaran	1 hingga 6
OTI 3 (Prapercubaan UPSR)	02 – 04 Julai 2007	Mata pelajaran UPSR	6
(Percubaan UPSR)	14 – 16 Ogos 2007	Teras, jawi dan pendidikan Islam	1 hingga 6
Ujian tambah nilai	19-21 Ogos 2007	Mata pelajaran UPSR	6
OTI 4(JPN)	03 – 05 Sep. 2007	Teras, jawi dan pendidikan Islam	1 hingga 5
UPSR (Lembaga Peperiksaan)	03 – 05 Sep.2007	Mata pelajaran UPSR	6
OTI 5 (Akhir tahun)	21 – 25 Okt.2007	Semua mata pelajaran	1 hingga 5
		Jawi dan pendidikan Islam	6

Sumber: Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu. Unit KBSR. Takwim TOV dan OTI 2007.



Instrumen penilaian TOV (Take of Value) atau ujian nilai letak kerja ialah instrumen penilaian yang digubal untuk mengesan pencapaian murid diawal tahun sesi persekolahan. Instrumen ini digubal melibatkan sukatan pelajaran untuk satu tahun persekolahan. Item-item yang terkandung di dalamnya hampir 95% belum dipelajari oleh murid. Instrumen seterusnya ialah ujian OTI (Operational Target Increment) atau ujian Operasi Meningkatkan Sasaran sebanyak 4 atau 5 kali untuk satu tahun sesi persekolahan. Instrumen ini diuji kepada murid untuk melihat sama ada wujud peningkatan skor atau tidak, bermula daripada ujian TOV hinggalah kepada ujian OTI satu persatu.

Soalan yang piawai disediakan secara berpusat di peringkat negeri dengan melantik satu panel terdiri daripada kumpulan guru pakar dan guru-guru yang dilantik oleh Jabatan Pelajaran Negeri khusus dalam mata pelajaran UPSR. Hanya panel ini yang bertanggungjawab menggubal soalan, guru-guru di sekolah hanya melaksanakan pentadbiran ujian sahaja. Amalan ini berterusan bermula satu dekad yang lalu. Ini juga memberi maksud, tuduhan bahawa hampir satu dekad guru-guru di sekolah rendah di negeri Terengganu tidak membina instrumen penilaian untuk murid-muridnya ada asasnya.

Bidang pentaksiran pendidikan adalah bidang profesional yang seharusnya dimiliki dan dikuasai oleh guru. Mereka seharusnya memiliki dan menghayati peranan, fungsi dan ilmu dalam pentaksiran pendidikan kerana perkara-perkara tersebut adalah sebahagian daripada *„core-business’* mereka. Oleh itu sebagai guru yang bertanggungjawab, dia mestilah melaksanakan pentaksiran di sekolah secara profesional mengikut perkembangan yang dilalui oleh bidang tersebut. Guru





seharusnya peka dan mengambil berat tentang perubahan format peperiksaan dalam mata pelajaran tertentu, seterusnya mereka hendaklah proaktif melaksanakan perubahan tersebut untuk kebaikan pelajar.

Berikut ini adalah senarai standard kemahiran pentaksiran pembelajaran yang sepatutnya dimiliki oleh semua guru, agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dinilai sama ada berjaya atau gagal mencapai objektif dan tindak susul yang sepatutnya dilakukan sebagai langkah memperbaiki mutu pengajaran guru dan mengatasi kelemahan murid dapat dilakukan (diubahsuai dari Pakej Penilaian Prestasi Pembelajaran yang diperkenalkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1996 dan The Standards for Teacher Competence in Educational Assessment of Student, 1990 yang dibina oleh American Federation of Teachers, National Council on Measurement in Education dan National Education Association).

A: Kemahiran mentaksir pembelajaran murid berpandukan Pakej Penilaian Prestasi Pembelajaran

- (i) Kemahiran membina atau menggubal item.
- (ii) Kemahiran membina atau memasang ujian.
- (iii) Kemahiran mentadbir ujian.
- (iv) Kemahiran menskor respons murid.
- (v) Kemahiran menganalisis respons murid.
- (vi) Kemahiran mentafsir maklumat ujian.
- (vii) Kemahiran melapor dapatan ujian.



B : Kemahiran mentaksir pembelajaran murid berpandukan *The Standards for Teacher Competence in Educational Assessment of Student*

- (i) Kemahiran memilih kaedah pentaksiran yang bersesuaian dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan pengajaran.
- (ii) Kemahiran dalam membina kaedah-kaedah pentaksiran yang sesuai untuk membuat keputusan berkaitan dengan pengajaran.
- (iii) Kemahiran dalam mentadbir, menskor dan mentafsir hasil-hasil pentaksiran yang dihasilkan oleh pihak luar dan/atau daripada ujian buatan guru.
- (iv) Kemahiran dalam menggunakan hasil-hasil pentaksiran apabila membuat keputusan mengenai pelajar secara individu, perancangan mengajar, pembinaan kurikulum dan pemajuan sekolah.
- (v) Kemahiran dalam membina prosedur-prosedur penggredan murid yang sah menggunakan hasil pentaksiran murid.
- (vi) Kemahiran dalam menyampaikan hasil-hasil pentaksiran kepada murid, ibu bapa, rakan sejawat guru dan lain-lain pihak yang berkepentingan.
- (vii) Kemahiran dalam mengenalpasti kaedah pentaksiran dan penggunaan maklumat pentaksiran yang tidak beretika, menyalahi peraturan dan tidak sesuai.

Kemahiran mentaksir dalam kalangan guru berkait rapat dengan kursus atau latihan di bidang pentaksiran pendidikan (pengukuran dan penilaian) yang mereka terima di peringkat praperkhidmatan. Guru sekolah rendah sebahagian besarnya mendapat latihan ikhtisas perguruan oleh maktab perguruan setelah mereka menamatkan persekolahan sama ada di peringkat SPM atau STPM. Bermula tahun



2004, guru-guru berijazah yang telah menjalani Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) di maktab-maktab perguruan (sekarang Institut Pendidikan Guru, IPG) mula ditempatkan di sekolah rendah. IPG juga turut melatih guru Ijazah Sarjana Muda Perguruan (ISMP) yang kemasukannya berdasarkan keputusan SPM yang cemerlang untuk ditempatkan di sekolah rendah. Disamping itu, bermula tahun 2004 juga, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengiktiraf ijazah sarjana muda yang diperolehi oleh guru-guru sekolah rendah secara Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) untuk dilantik ke dalam skim perkhidmatan guru siswazah. Ini menjadikan kelulusan akademik dan ikhtisas serta pengalaman mengajar ketara berbeza dalam kalangan guru sekolah rendah. Persoalannya, bagaimana pula tahap kemahiran mentaksir dalam kalangan mereka?



Daripada jumlah 10950 orang guru di negeri Terengganu, 66.22% adalah guru wanita. Manakala dalam daerah Kuala Terengganu, peratus guru wanita ialah 70.66%. Apakah kewujudan perbezaan komposisi jantina yang sangat ketara ini tidak menjejaskan kerja buat mereka di bilik darjah? Kebanyakan guru sekolah rendah mula berkhidmat seawal usia 21 tahun kerana mereka mengikuti latihan praperkhidmatan selepas tamat SPM dan latihan hanya mengambil masa 2 tahun pada masa itu. Ini bermakna sehingga bersara wajib pada usia 58 tahun misalnya, guru ini berada dalam perkhidmatan melebihi 35 tahun. Bayangkan apakah yang boleh berlaku dalam tempoh tersebut terhadap kemahiran dan amalan pentaksiran mereka.

Di negara Amerika Syarikat, mereka membahagikan tahap persekolahan murid kepada banyak kategori. Di Malaysia, dalam sistem KSSR sekarang, murid dibahagikan kepada 2 tahap iaitu Tahap Satu (Darjah 1 hingga Darjah 3) dan Tahap





Dua (Darjah 4 hingga Darjah 6). Ini bermaksud ada dua kumpulan guru yang mengajar dengan pendekatan yang mungkin berbeza kerana Tahap Satu lebih kepada kemahiran asas manakala Tahap Dua lebih kepada menguasai kemahiran. Oleh yang demikian pengajaran dan pentaksiran yang dilakukan oleh guru juga turut berbeza. Ini menjurus kepada persoalan apakah tahap kemahiran pentaksiran yang mereka miliki sekarang?

Salah satu kaedah untuk mengekalkan kemahiran guru di dalam sesuatu bidang atau menambahbaik sesuatu amalan semasa mereka berada dalam perkhidmatan ialah dengan mengadakan Latihan Dalam Perkhidmatan. Sekiranya pihak Ketua Jabatan gagal melaksanakan latihan ini, besar kemungkinan, kemahiran guru dalam bidang tersebut akan menjadi semakin kritikal, tidak terkecuali dibidang pentaksiran yang diburukkan lagi oleh peranan guru hanya sebagai pentadbir ujian. Aktiviti pentaksiran oleh guru selain amalan dalam bilik kelas mungkin dapat membantu guru mengekalkan kemahiran mentaksir mereka seperti guru yang bertugas sebagai penggubal item di peringkat negeri atau kebangsaan, pemeriksa kertas peperiksaan awam atau yang belajar sendiri melalui PJJ atau pembacaan sendiri. Setakat ini belum ada satu kaedah untuk mengukur kemahiran mentaksir pembelajaran murid dalam kalangan guru apatah lagi satu standard kemahiran mentaksir untuk mereka sebagai penanda aras dan rujukan.

Semua faktor yang disebutkan di atas, yang menyumbang kepada baik atau lemahnya kemahiran mentaksir dalam kalangan guru sekolah rendah di negeri Terengganu, dibincangkan secara mendalam dalam bab Tinjauan Literatur.





Berdasarkan alasan-alasan tersebut, masalah yang ingin diselidiki oleh penyelidik secara khusus ialah berkaitan dengan tahap literasi mentaksir pembelajaran murid dalam kalangan guru secara keseluruhan dan juga berdasarkan jantina, tahap mengajar, kelulusan akademik, tempoh berkhidmat dan aktiviti pentaksiran. Standard literasi pula dibahagikan kepada 7 iaitu:

- (i) Literasi dalam memilih kaedah pentaksiran yang bersesuaian dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan pengajaran.
- (ii) Literasi dalam membina kaedah-kaedah pentaksiran yang sesuai untuk membuat keputusan berkaitan dengan pengajaran.
- (iii) Literasi dalam mentadbir, menskor dan mentafsir hasil-hasil pentaksiran yang dihasilkan oleh kedua-duanya, sama ada kaedah-kaedah pentaksiran oleh pihak luar dan/atau daripada ujian buatan guru.
- (iv) Literasi dalam menggunakan hasil-hasil pentaksiran apabila membuat keputusan mengenai murid secara individu, perancangan mengajar, pembinaan kurikulum dan pemajuan sekolah.
- (v) Literasi dalam membina prosedur-prosedur penggredan murid yang sah menggunakan hasil pentaksiran murid.
- (vi) Literasi dalam menyampaikan hasil-hasil pentaksiran kepada murid, ibu bapa, rakan sejawat guru dan lain-lain pihak yang berkepentingan.
- (vii) Literasi dalam mengenalpasti kaedah pentaksiran dan penggunaan maklumat pentaksiran yang tidak beretika, menyalahi peraturan dan tidak sesuai.



Punca kepada masalah ini secara ringkas yang boleh dikenalpasti adalah:

- (a) Tanggungjawab membina item-item ujian hanya kepada segelintir guru sahaja, majoriti guru tidak terlibat.
- (b) Ketiadaan kursus-kursus dalam perkhidmatan berkaitan dengan literasi mentaksir dalam jangka waktu yang lama.
- (c) Latihan praperkhidmatan yang singkat dan tidak memberikan perhatian terhadap bidang pentaksiran.
- (d) Ketiadaan penanda aras “bench mark” tahap literasi mentaksir yang seharusnya dimiliki oleh guru.
- (e) Ketiadaan instrumen yang standard untuk mentaksir tahap literasi guru dalam pentaksiran pembelajaran murid.

1.3 Objektif penyelidikan

Objektif penyelidikan ini ialah untuk:

1. Mengubahsuai *classroom assessment literacy inventory* kepada inventori literasi pentaksiran bilik kelas sebagai alat penyelidikan bagi mengukur literasi pentaksiran guru.
2. Menentukan tahap kesahan dan kebolehpercayaan inventori literasi pentaksiran bilik kelas yang diubahsuai.
3. Mengukur tahap literasi pentaksiran guru menggunakan inventori literasi pentaksiran bilik kelas yang diubahsuai.
4. Menentukan tahap literasi pentaksiran guru berdasarkan jantina, tahap mengajar, kelulusan akademik, tempoh berkhidmat dan aktiviti pentaksiran.



5. Menentukan tahap literasi pentaksiran guru berdasarkan standard literasi pentaksiran bilik kelas.
6. Menentukan apakah terdapat perbezaan tahap literasi pentaksiran guru berdasarkan jantina, tahap mengajar, kelulusan akademik, tempoh berkhidmat dan penglibatan dalam aktiviti pentaksiran.
7. Mencadangkan standard literasi pentaksiran bilik kelas guru sekolah rendah berdasarkan dapatan penyelidikan.

1.4 Soalan penyelidikan

Soalan penyelidikan adalah seperti berikut :



1. Apakah boleh diubahsuai *classroom assessment literacy inventory* kepada inventori literasi pentaksiran bilik kelas sebagai alat penyelidikan?
2. Setakat manakah tahap kesahan dan kebolehpercayaan inventori literasi pentaksiran bilik kelas yang telah diubahsuai sebagai alat penyelidikan?
3. Setakat manakah tahap literasi pentaksiran guru berdasarkan inventori literasi pentaksiran bilik kelas yang diubahsuai?
4. Apakah tahap literasi pentaksiran guru berdasarkan jantina, tahap mengajar, kelulusan akademik, tempoh berkhidmat dan penglibatan dalam aktiviti pentaksiran?
5. Apakah tahap literasi pentaksiran guru berdasarkan standard literasi pentaksiran bilik kelas ?





6. Apakah terdapat perbezaan tahap literasi pentaksiran guru berdasarkan jantina, tahap mengajar, kelulusan akademik, tempoh berkhidmat dan penglibatan dalam aktiviti pentaksiran?
7. Apakah standard literasi pentaksiran bilik kelas guru sekolah rendah yang boleh dicadangkan berdasarkan dapatan penyelidikan ?

1.5 Hipotesis penyelidikan

Pernyataan hipotesis penyelidikan adalah seperti berikut:

1. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam min markah literasi pentaksiran berdasarkan jantina.
2. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam min markah literasi pentaksiran berdasarkan tahap mengajar.
3. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam min markah literasi pentaksiran berdasarkan kelulusan akademik.
4. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam min markah literasi pentaksiran berdasarkan tempoh berkhidmat.
5. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam min markah literasi pentaksiran berdasarkan aktiviti pentaksiran.



1.6 Definisi operasional penyelidikan

Penerangan terhadap konsep atau istilah dalam penyelidikan ini akan diberi tumpuan oleh penyelidik dengan merujuk kepada konteks penyelidikan. Terdapat beberapa definisi terhadap konsep dan istilah telah dijelaskan secara terperinci dalam topik-topik tertentu, dengan itu, penyelidik akan menjelaskan secara ringkas sahaja di bawah topik ini.

a: Inventori literasi pentaksiran bilik kelas

Menurut Kamus Dewan muka surat 497, inventori bermaksud senarai terperinci barang-barang yang terdapat di tempat tertentu. Literasi pula bermaksud celik atau berkebolehan untuk membaca dan menulis. Manakala bilik kelas ialah tempat dimana proses pengajaran dan pembelajaran berlaku termasuklah bilik darjah, makmal-makmal, bilik seni visual, bilik media dan sebagainya. Dalam konteks penyelidikan ini, inventori literasi pentaksiran ialah satu senarai formal yang terperinci mengenai kemahiran-kemahiran mentaksir pembelajaran murid yang perlu dikuasai oleh guru-guru. Inventori ini dibina berdasarkan 7 standard kemahiran mentaksir pembelajaran murid hasil gabungan daripada standard kemahiran mentaksir yang dikemukakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia dan American Federation of Teachers, National Council on Measurement in Education dan National Education Association. Senarai utama kemahiran dalam inventori yang dibina untuk tujuan penyelidikan ini termasuklah, senarai kemahiran yang diperlukan untuk memilih kaedah mentaksir, membina kaedah mentaksir, kemahiran dalam mentadbir, menskor dan mentafsir hasil-hasil pentaksiran, kemahiran menggunakan hasil pentaksiran dalam membuat

keputusan berkaitan pengajaran dan pembelajaran, kemahiran dalam membina prosedur mengggred yang sesuai terhadap keputusan pentaksiran, kemahiran dalam mentafsir dan melapor keputusan pentaksiran kepada pihak yang berkepentingan dan kemahiran dalam mengenalpasti pentaksiran yang tidak beretika, menyalahi undang-undang dan tidak sesuai.

b: Standard kemahiran pentaksiran pembelajaran murid

Mahir bermaksud terlatih untuk mengerjakan sesuatu, cekap, lancar dan pandai. Kemahiran bermaksud kecekapan atau kepandaian (Kamus Dewan Edisi Ketiga, muka surat 841). Manakala taksir bermaksud kira, hitung, nilai daripada sesuatu pekerjaan (muka surat 1350). Albert Oosterhof (1994), menyatakan, pentaksiran ialah aktiviti-aktiviti untuk mendapat maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif pengajaran dan pembelajaran. American Federation of Teachers, National Council on Measurement in Education dan National Education Association (1990), mendefinisikan pentaksiran sebagai satu proses mendapatkan maklumat yang akan digunakan untuk membuat keputusan mengenai pembelajaran murid, untuk memberi maklumbalas terhadap murid mengenai kemajuan, tentang kekuatan dan kelemahan, untuk menilai keberkesanan pengajaran dan kecukupan kurikulum dan untuk makluman polisi. Manakala Bhasah (2003), mendefinisikan pentaksiran sebagai satu proses mengumpul dan menginterpretasikan maklumat yang boleh digunakan sebagai makluman tentang kemajuan pelajar kepada ibu bapa mengenai penguasaan pengetahuan, kemahiran, sikap dan perlakuan yang telah dikuasai.



Dalam penyelidikan ini, standard kemahiran mentaksir pembelajaran murid bermaksud kemahiran atau kecekapan guru dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang mencakupi tujuh standard kemahiran berikut; Standard 1. Kemahiran memilih kaedah pentaksiran yang bersesuaian dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan pengajaran; Standard 2. Kemahiran dalam membina kaedah-kaedah pentaksiran yang sesuai untuk membuat keputusan berkaitan dengan pengajaran; Standard 3. Kemahiran dalam mentadbir, menskor dan mentafsir hasil-hasil pentaksiran yang dihasilkan oleh kedua-duanya, sama ada kaedah-kaedah pentaksiran oleh pihak luar dan/atau daripada ujian buatan guru; Standard 4. Kemahiran dalam menggunakan hasil-hasil pentaksiran apabila membuat keputusan mengenai pelajar secara individu, perancangan mengajar, pembinaan kurikulum dan kemajuan sekolah; Standard 5. Kemahiran dalam membina prosedur-prosedur penggredan pelajar yang sah menggunakan hasil pentaksiran pelajar; Standard 6. Kemahiran dalam menyampaikan hasil-hasil pentaksiran kepada pelajar, ibu bapa, rakan sejawat guru dan lain-lain pihak yang berkepentingan dan Standard 7. Kemahiran dalam mengenalpasti kaedah pentaksiran dan penggunaan maklumat pentaksiran yang tidak beretika, menyalahi peraturan dan tidak sesuai.

c: Guru sekolah rendah

Guru sekolah rendah merujuk kepada guru sekolah rendah yang telah dilantik secara tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan sedang mengajar secara sepenuh masa di sekolah-sekolah rendah Kementerian Pelajaran Malaysia di negeri Terengganu.



d: Tempoh berkhidmat

Tempoh berkhidmat seorang guru merujuk kepada tempoh bermula dari mereka dilantik secara tetap oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan hingga kehari penyelidikan dilakukan tanpa mengira umur mereka. Untuk mencapai tujuan penyelidikan, tempoh berkhidmat guru dibahagikan kepada 7 tempoh dengan perbezaan setiap tempoh ialah 5 tahun. Tempoh pertama bermula dari 1 hingga 5 tahun sehinggalah tempoh ke 7, tempoh berkhidmat dari 31 tahun hingga 35 tahun.

e: Tahap mengajar

Apa yang dimaksudkan dengan tahap mengajar ialah merujuk kepada kumpulan guru yang mengajar murid mengikut kumpulan umur. Kumpulan Guru Tahap Satu merujuk kepada kumpulan guru yang mengajar murid yang berada di tahun satu (7 tahun), tahun dua (8 tahun) dan tahun tiga (9 tahun), manakala Kumpulan Guru Tahap Dua merujuk kepada kumpulan guru yang mengajar murid di tahun empat (10 tahun), tahun lima (11 tahun) dan tahun enam (12 tahun). Oleh yang demikian, dalam penyelidikan ini hanya terdapat dua kumpulan guru yang mengajar iaitu Guru Tahap Satu dan Guru Tahap Dua.

f: Status jantina

Status jantina dalam penyelidikan ini merujuk kepada jantina para responden (guru) iaitu lelaki dan wanita. Dengan menyelidiki perbezaan kemahiran antara jantina, penyelidik akan dapat mengetahui sama ada terdapat perbezaan atau tidak kemahiran mentaksir berdasarkan jantina dalam kalangan guru-guru.



g: Kelulusan akademik dan ikhtisas

Terdapat dua kumpulan guru berdasarkan kelulusan akademik di sekolah rendah iaitu guru berijazah dan berdiploma. Kumpulan guru berijazah mula ditempatkan di sekolah rendah pada tahun 2004. Mereka terdiri daripada guru-guru yang memperolehi ijazah dari berbagai bidang dan mengikuti kursus ikhtisas perguruan di IPGM selama 6 bulan melalui program KPLI dan guru-guru lepasan diploma sekolah rendah yang melanjutkan pelajaran secara sambilan atau PJJ dan kemudiannya dilantik tetap sebagai guru berijazah dan kekal mengajar di sekolah rendah. Guru diploma pula terdiri daripada guru lepasan SPM atau STPM dan mengikuti kursus ikhtisas diploma perguruan selama 2 hingga 3 tahun. Ini bermakna terdapat dua kumpulan guru yang memiliki kelulusan akademik dan ikhtisas di sekolah rendah.



1.7 Kepentingan penyelidikan

Mentaksir pembelajaran murid di bilik kelas merupakan salah satu tanggungjawab terpenting seorang guru. Adalah dianggarkan, guru-guru menggunakan lebih daripada 50% masa mereka untuk aktiviti yang berkaitan dengan pentaksiran (Plake, 1993). Dengan mengambil kira jumlah masa yang digunakan, pentaksiran di bilik darjah adalah tugas guru yang sangat penting, yang menyokong kepada tugas-tugas guru yang lain (Brookhart, 1998). Apa yang dinyatakan oleh Plake dan Brookhart adalah benar jika pentaksiran dilaksanakan secara bersepadu di dalam setiap proses pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti mengukur, menguji dan menilai pembelajaran murid merupakan aktiviti yang sangat penting yang sepatutnya dilakukan oleh seorang





guru. Apabila guru menjadikan tugas pentaksiran sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran, maka secara tidak langsung maklumat daripada hasil pentaksiran akan membantu guru untuk menyelesaikan lain-lain tugas pengajaran. Hasil pencapaian murid yang diperoleh daripada proses penilaian pembelajaran dapat digunakan untuk tujuan penambahbaikan pembelajaran misalnya dalam perancangan aktiviti pengukuhan dan pemulihan, pelaporan kepada ibu bapa, pengaliran murid (*streaming*) dan kegiatan-kegiatan lain (Gronlund, 2006; Oosterhof, 2003; dan Tanner, 2001).

Barber dan Fullan (2005), mengemukakan lapan panduan perubahan dalam sistem pendidikan, salah satu daripadanya ialah “akauntabiliti pintar” (*intelligent accountability*) yang melibatkan dua aspek iaitu, pertama, ketelusan dan akauntabiliti luaran kepada masyarakat dan agensi-agensi kerajaan yang lain yang kadang kala dirujuk sebagai penilaian pembelajaran (*assessment of learning*) atau penilaian sumatif dan kedua, penggunaan data darihal pembelajaran murid sebagai strategi untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran yang dirujuk sebagai penilaian untuk pembelajaran (*assessment for learning*) atau penilaian formatif.

Semua perkara yang disebutkan di atas, menuntut guru untuk menguasai kemahiran pentaksiran pembelajaran murid secara profesional. Guru harus memiliki dan menghayati peranan, fungsi dan ilmu dalam pentaksiran pendidikan kerana perkara-perkara tersebut adalah sebahagian daripada tugas pokok mereka. Menguasai ilmu dalam bidang pentaksiran pendidikan termasuklah prinsip asas dalam pentaksiran pendidikan, pengendalian pentaksiran, penentuan standard dan penggunaan hasil pentaksiran. Guru seharusnya peka dan mengambil berat tentang perubahan format





dalam peperiksaan dan mata pelajaran tertentu atau sekurang-kurangnya dalam mata pelajaran yang sedang diajarnya. Mereka juga hendaklah proaktif menyampaikan maklumat terbaru dan mengambil tindakan sewajarnya dengan merujuk kepada pekeliling dan prosedur serta menggunakan kebijaksanaan yang berasaskan ilmu dan pembacaan dalam bidang berkaitan untuk kebaikan pelajar.

Menurut Gaikokugo Kyoushi Kyouil (2006), tiga alasan mengapa guru mesti literasi pentaksiran; 1. Pentaksiran merupakan sesuatu yang diketahui umum yang merupakan ciri-ciri terpenting di dalam sesebuah sistem pendidikan. Dikebanyakan sekolah, sebahagian besar peruntukan kewangan adalah untuk pelaksanaan proses pentaksiran begitu juga masa yang diperuntukkan oleh guru; 2. Memudahkan guru-guru untuk memahami literatur-literatur berkaitan dengan pendidikan. Membiasakan guru-guru dengan asas-asas statistik, memudahkan guru untuk membaca jurnal-jurnal dan artikel-artikel umum berkaitan dengan pendidikan; 3. Membolehkan guru-guru berkomunikasi mengenai hasil-hasil pentaksiran bilik kelasnya dengan orang lain (rakan sejawat, ibu bapa dan lain-lain individu atau organisasi yang berkepentingan).

Di Malaysia, Sistem Pendidikan Kebangsaan dikawal sepenuhnya oleh kerajaan dan tugas pelaksanaan penilaian di sekolah mempunyai undang-undang yang diperuntukkan. Seksyen 19 dalam Akta Pendidikan 1996, memperuntukkan bahawa: *Sekolah hendaklah menyediakan murid bagi peperiksaan yang ditetapkan. Tiap-tiap sekolah hendaklah menyediakan murid-muridnya bagi peperiksaan yang ditetapkan oleh atau di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini melainkan jika dikecualikan selainnya oleh atau di bawah akta ini.*





Mengikut Kamus Dewan (2005), perkataan “menyediakan” membawa erti menyiapkan, mencukupkan, mengaturkan atau menyusun semua tindakan. Ini bermakna setiap sekolah mestilah melaksanakan semua aktiviti yang sesuai dan wajar untuk membolehkan murid-muridnya menduduki peperiksaan mengikut akta ini. Guru mestilah melaksanakan pengajaran sebagaimana yang termaktub dalam sukatan pelajaran tanpa memilih-milih mengikut kesesuaian dan menyingkirkan kemahiran tertentu kerana terikat dengan ujian-ujian berpusat atau dengan perkataan lain mengajar untuk peperiksaan. Amalan pengajaran untuk peperiksaan akan melahirkan manusia yang bercanggah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang antara lain ingin melahirkan rakyat yang belajar seiring dengan perkembangan ilmu semasa dan bukannya terhenti setelah berakhirnya sesuatu peperiksaan atau setelah mendapat sekeping sijil.



Di negeri Terengganu, keadaannya menjadi lebih teruk lagi dimana instrumen pentaksiran digubal oleh hanya satu panel guru sedangkan guru yang mengajar langsung tiada peranan. Guru di sekolah hanyalah melaksanakan pentadbiran ujian sahaja. Soalnya sekarang, jika guru sudah sekian lama tidak berperanan dalam melaksanakan pentaksiran pembelajaran murid-muridnya, apakah kita masih yakin akan kemampuan atau kecekapan guru dalam melaksanakan tugas ini sekarang? Adakah guru masih mempunyai pengetahuan dan kemahiran ditahap asas tentang pentaksiran berasaskan sekolah, setelah sekian lama proses itu mereka abaikan? Adakah guru-guru baru yang ditempatkan di sekolah-sekolah dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran pentaksiran yang mencukupi semasa dalam latihan di pusat-pusat pengajian mereka sehingga, memungkinkan mereka benar-benar bersedia? Sesungguhnya, latihan yang mencukupi dibidang pentaksiran pendidikan (tempoh





latihan dan kandungan kemahiran) akan menjadikan guru-guru baru lebih bersedia untuk melaksanakan tugas ini.

Berdasarkan apa yang sedang berlaku di negeri Terengganu, apabila guru-guru yang sedang berkhidmat tidak memperolehi bimbingan yang baik dibidang pentaksiran semasa dalam latihan perguruan, ditambah lagi dengan ujian berpusat yang dilaksanakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri, dimana mereka tidak perlu menyediakan instrumen ujian, penyelidik menjangkakan, kemahiran pentaksiran pendidikan dalam kalangan guru-guru di negeri Terengganu berada pada tahap yang kritikal. Oleh itu, satu penyelidikan wajar dilakukan bagi mendedahkan persoalan ini untuk menjelaskan, adakah guru di sekolah-sekolah rendah di negeri Terengganu masih mempunyai kemahiran pentaksiran yang memuaskan dan adakah guru yang berkhidmat dalam tempoh yang berbeza masih mempunyai kemahiran pentaksiran yang setara.

Penyelidikan ini juga penting untuk menentukan apakah faktor-faktor yang mungkin menyebabkan kemahiran pentaksiran dalam kalangan guru-guru di sekolah rendah di negeri Terengganu masih pada tahap yang baik walaupun menghadapi kemelut sebagaimana yang telah dibentangkan oleh penyelidik atau berada pada tahap kritikal sebagaimana jangkaan penyelidik. Sebagai contoh misalnya, seorang guru yang berpengalaman sebagai pemeriksa kertas jawapan, sebagai penggubal soalan di peringkat sekolah, daerah atau negeri, guru yang pernah menghadiri kursus-kursus berkait dengan pengujian, pengukuran dan penilaian (kursus atau latihan dalam perkhidmatan), guru-guru yang sedang belajar secara Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) atau guru-guru yang mempunyai inisiatif sendiri untuk meningkatkan tahap






keprofesionalan mereka dibidang pentaksiran melalui pembacaan (pembelajaran sendiri), sudah tentu mempunyai kemahiran yang berbeza berbanding dengan guru-guru yang hanya menyerah kepada keadaan.

Dalam penyelidikan ini, sebanyak 7 standard kemahiran pentaksiran akan diuji. Kemahiran guru dalam standard tertentu akan dianalisis berdasarkan skor yang diperolehi oleh mereka. Kekuatan dan kelemahan mereka dalam standard tertentu akan dikenalpasti dan cadangan-cadangan akan dikemukakan untuk penambahbaikan sama ada untuk guru-guru yang sedang berkhidmat atau guru-guru pelatih yang berada di pusat-pusat latihan dan para pembuat polisi atau dasar. Bagaimana pula kemahiran pentaksiran dalam kalangan guru lelaki dan wanita jika sebahagian besar daripada guru lelaki menumpukan aktiviti di luar bilik darjah akibat bebanan tugas dan keperluan perkhidmatan yang berbeza, sedangkan mereka mempunyai tugas mengajar yang hampir sama? Apakah akan terjadi kepada hasrat Kementerian Pelajaran untuk menyerahkan proses mentaksir pembelajaran murid kepada guru di sekolah menjelang tahun 2010, jika kemahiran pentaksiran di peringkat asapun guru belum dapat menguasainya? Hasil daripada penyelidikan ini nanti, perlulah diambil tindakan sewajarnya oleh pihak yang melatih guru seperti Institusi Pengajian Tinggi, Institut Pendidikan Guru dan Bahagian Pendidikan Guru, Jabatan Pelajaran Negeri dan pihak pengurusan sekolah sendiri mengikut bidang kuasa masing-masing demi kebaikan semua.

Kerangka kerja penyelidikan dalam Rajah 1.1 menunjukkan, bermula daripada pelaksanaan ujian berpusat peringkat negeri dimana hanya panel yang dilantik menggubal instrumen, manakala guru-guru di sekolah sebagai pentadbir ujian



menimbulkan persoalan status semasa literasi pentaksiran guru sebagai pentaksir pembelajaran murid. Untuk menyelesaikan persoalan ini, diubahsuai satu instrumen penyelidikan yang mematuhi prosedur pembinaan instrumen ujian, dilakukan pentadbiran ujian ke atas responden yang terdiri daripada guru-guru yang sedang berkhidmat di sekolah-sekolah rendah di daerah Kuala Terengganu.



Rajah 1.1: Kerangka kerja penyelidikan



1.8 Batasan penyelidikan

Penyelidikan ini dibataskan kepada guru-guru yang sedang mengajar di sekolah-sekolah rendah di negeri Terengganu sahaja tanpa melibatkan sekolah Jenis Kebangsaan. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah campuran iaitu kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif melibatkan ujian dan soal selidik manakala kualitatif pula menggunakan kaedah temubual. Pemboleh ubah tak bersandar ialah jantina, tahap mengajar, tempoh berkhidmat, kelulusan akademik dan aktiviti pentaksiran manakala pemboleh ubah bersandar pula ialah skor responden daripada instrumen inventori literasi yang diubahsuai. Sampel yang dipilih ditetapkan terdiri daripada tujuh kumpulan guru mengikut kategori tempoh perkhidmatan menjadi guru terlatih tanpa mengambil kira umur mereka. Sampel akan dipilih secara rawak daripada sekolah-sekolah yang berada di daerah Kuala Terengganu mengikut zon Pusat Kegiatan Guru. Sampel akan menjawab soalan berkaitan literasi pentaksiran bersama kertas soal selidik berkait dengan demografi guru. Ujian ini berbentuk ujian pencapaian kertas dan pensel dan item dihadkan kepada 35 sahaja dimana setiap satu standard literasi mengandungi 5 item. Masa yang diperuntukkan ialah 50 minit. Data kuantitatif dianalisis menggunakan program SPSS versi 16.0. Keputusan penyelidikan digeneralisasikan kepada guru-guru di negeri Terengganu.

